



UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA
KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA**

SEMPENA

**KARNIVAL KERJAYA TVET 2025
DAN
MAJLIS PELUNCURAN JTM-KUMAI *WELDING ACADEMY*
DI ADTEC JTM KAMPUS PASIR GUDANG**

**6 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)
DEWAN KULIAH UTAMA,
ADTEC JTM KAMPUS PASIR GUDANG**

**JABATAN TENAGA MANUSIA
DAN
JOHOR TALENT DEVELOPMENT COUNCIL (JTDC)**

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Kemahiran dan Salam Maju Johor

Yang Berhormat, **Dato' Haji Ismail bin Karim**

Presiden Dewan Teraju Usahawan Dan Peniaga Bumiputera Negeri Johor merangkap Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor

Yang Berusaha, **Ts Dr. Hj Azli Amin bin Ahmad Raus**

Pengarah ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang dan Senai

Yang Berusaha, **Encik Hilmy Bin Haji Hussain**

Ketua Penyelaras Johor Talent Development Council (JTDC)

Yang Berusaha, **Encik Ahmad Munir Akram bin Ahmad Faiz**

Pengurus Besar, Human Capital Investment (HCI) PETRONAS

Yang Berusaha, **Encik Zamri bin Mohd Zain**

Pengarah Urusan Refzen (M) Sdn Bhd

Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pengurusan Jabatan Pembangunan Kemahiran,

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA),

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Institusi Latihan TVET,

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang, Pengetua-Pengetua,

Pengurus-Pengurus Syarikat,

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan, yang dihormati sekalian

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat menjayakan pelbagai aktiviti dan program bersempena dengan **Karnival Kerjaya TVET 2025** dan seterusnya menyaksikan peluncuran rasmi ***JTM-KUMAI Welding Academy***. Antaranya termasuklah Karnival Kerjaya TVET, Forum Teknikal, *Podcast*, *TVET Tour*, *Pertandingan Drone*, *Pertandingan Welding Simulation*, *Pertandingan Basic Welding* dan pelbagai aktiviti menarik lagi. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran keseluruhan program hari ini.
2. Bagi pihak Jabatan Tenaga Manusia, saya juga dengan penuh hormatnya mengalu-alukan kedatangan **Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Bin Karim** yang sudi hadir pada hari ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua tetamu, rakan KESUMA, rakan industri, wakil institusi pendidikan

dan latihan TVET, komuniti dan warga JTM yang bersama-sama hadir dalam majlis hari ini. Kehadiran anda semua menjadi simbol sokongan yang amat penting dalam usaha kami memperkukuh dan memacu pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) ke tahap yang lebih tinggi.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

PENGENALAN ADTEC JTM

3. Bagi mendukung hasrat negara untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030, ADTEC JTM atau Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berperanan dalam memperkasakan pembangunan modal insan berkemahiran serta meningkatkan daya saing tenaga mahir dalam pekerjaan seperti yang dinyatakan di dalam pelan Strategik Jabatan Tenaga Manusia. Sebelum dijenamakan semula penggunaan nama bermula 23 Jun 2025 ini, ADTEC JTM iaitu *Advanced Technology College* JTM yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) terdiri daripada 33 buah kampus di seluruh Malaysia yang bertanggungjawab dalam pembangunan tenaga kerja mahir melalui pendidikan dan latihan teknikal

dan vokasional (TVET). Inisiatif penjenamaan dan penarafan ini merupakan langkah strategik JTM ke arah meningkatkan kecemerlangan institusi secara menyeluruh serta memperkukuh identiti institusi kemahiran di bawahnya. Perkara ini selari dengan visi JTM sedia ada iaitu menjadi organisasi peneraju TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan bertaraf dunia serta misi JTM iaitu membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang dinamik dan inovatif melalui program TVET yang inklusif, berkualiti dan seiring dengan perkembangan teknologi.

4. Untuk makluman hadirin, ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang yang sebelum ini dikenali sebagai ILP Pasir Gudang ditubuhkan pada tahun 1981 di bawah Rancangan Malaysia ke-4 (RMKe-4), merupakan antara kampus ketiga tertua selepas ADTEC JTM Kampus Kuala Lumpur pada tahun 1964 dan ADTEC JTM Kampus Perai pada tahun 1972. Keseluruhan 33 kampus di ADTEC JTM bukan sahaja menawarkan kursus sepenuh masa kepada lepasan sekolah dalam kemahiran TVET berdasarkan Standard Kemahiran pekerjaan Kebangsaan (NOSS) tetapi juga aktif dalam Program *Reskilling and Upskilling* terhadap tenaga kerja sedia ada supaya relevan dengan perubahan teknologi. Usaha ini adalah bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang holistik dengan memiliki kompetensi dalam aspek teknikal, insaniah dan nilai sosial serta metodologi dan pembelajaran.

5. Bersempena dengan Karnival Kerjaya TVET di ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang hari ini merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkenalkan peluang pendidikan dan kerjaya TVET di samping menggalakkan jalinan antara institusi latihan, agensi kerajaan serta pihak industri. Justeru, pada hari ini juga kita akan menyaksikan hasil kerjasama strategik antara Jabatan Tenaga Manusia dan Syarikat Refzen (M) Sdn. Bhd. melalui jenama KUMAI. Kerjasama ini telah dimeterai secara rasmi melalui Memorandum Persefahaman pada 6 Jun 2025. Penubuhan JTM-KUMAI Welding Academy merupakan satu langkah bersepadu bagi memperkukuhkan ekosistem TVET negara khususnya dalam bidang kimpalan yang kini menjadi keperluan kritikal di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada syarikat Refzen (M) Sdn. Bhd. di atas kemudahan yang disediakan iaitu 24 *welding bay* yang dilengkapi dengan mesin dan peralatan kimpalan terkini, termasuk ruang pembelajaran dan *showcase* teknologi kimpalan (*real industry setup*).

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

PERANAN JTM-KUMAI WELDING ACADEMY

6. Antara matlamat utama penubuhan akademi ini adalah untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar kimpalan melalui program Training of Trainers, melahirkan graduan berkemahiran tinggi menggunakan teknologi terkini termasuk inverter, robotik kimpalan, dan teknologi hijau, menyediakan bengkel bertaraf industri dengan 24 welding bay lengkap dengan mesin moden serta meningkatkan kebolehpasaran graduan ADTEC JTM melalui pensijilan yang diiktiraf industri. Untuk makluman semua peratus, kadar kebolehpasaran seluruh graduan ADTEC JTM bagi tahun 2024 telah mencapai 94.5%, dengan lebih 80% mendapat pekerjaan dalam bidang latihan masing-masing. Tahniah juga kepada ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang, Kampus Bukit katil dan Kampus Kota Kinabalu di atas pencapaian 100% kebolehpasaran graduan selain Kampus Bukit Katil dan Kampus Kota Kinabalu. Seramai 7,180 graduan yang diraikan atas kejayaan menamatkan pengajian dalam bidang kemahiran di 33 kampus ADTEC JTM seluruh negara di PICC, Putrajaya pada 25 hingga 26 Ogos 2025 tersebut mencerminkan keyakinan tinggi industri terhadap kualiti program TVET negara.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

7. Di samping itu Penubuhan JTM-Kumai *Welding Academy* secara tidak langsung dapat menyokong usaha *reskilling dan upskilling* tenaga kerja industri agar kekal relevan dalam pasaran industri. Akademi tersebut juga berpotensi untuk menjadi pusat kecemerlangan inovasi serta rujukan nasional dalam bidang kimpalan moden dan lestari. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif bersepadu ini menunjukkan bahawa institusi latihan TVET di bawah Jabatan Tenaga Manusia sentiasa memastikan pembangunan modal insan berkemahiran tinggi seiring dengan perkembangan dan keperluan industri yang dinamik. Penekanan ini adalah bertepatan dengan fokus pelaksanaan TVET di peringkat global yang semakin mencabar.

8. Pada hari ini juga ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang melalui kolaborasi bersama JTDC akan menjalinkan Memorandum Kerjasama dengan 4 (empat) syarikat iaitu, **(1) Serimax Welding Services Malaysia Sdn. Bhd, (2) EEW Malaysia Sdn. Bhd. (3) Ferum Technical Sdn. Bhd, (4) Pelabuhan Tanjung Pelepas,** 4 (empat) agensi iaitu **(1) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), (2) Unit Strategik Modal Insan (SMI), (3) Johore Talent Development Council (JTDC) dan (4) Dewan Teraju**

Usahawan Dan Peniaga Bumiputera Negeri Johor, 2 (dua) Pusat Tahfiz iaitu, **Akademy Darul Huffaz Johor**, dan **Institut Tahfiz Kemahiran (INTAKE) Jawahir**, 4 (empat) Penyedia Latihan yang terdiri daripada (1) **Johor Skills Development Centre (JSDC)**, (2) **Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kulai**, (3) **The Welding Institute (TWI) Services Sdn. Bhd** dan (4) **Globe Tech Services Sdn. Bhd.** dan 1 (satu) *non-governmental organization* (NGO) iaitu **Majlis Belia Felda Malaysia** bagi bersama-sama mengangkat martabat serta memperkasakan latihan kemahiran TVET berbentuk *hands-on* yang relevan dengan keperluan sebenar industri.

9. ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang juga merupakan salah satu rakan strategik bersama **Vista I-Plus Petronas** yang merupakan satu inisiatif yang dipacu oleh industri melalui kerjasama dengan institusi TVET dengan rakan strategik, menjalankan program VISTA Petronas dalam bidang Kimpalan Arka dan Gas sejak tahun 2009 dan yang terbaharu melibatkan bidang Fabrikasi Struktur Logam pada tahun 2025. Ini selaras dengan objektif program untuk mewujudkan dan mempertingkatkan kemahiran belia berkemahiran tinggi dalam bidang Minyak dan Gas khususnya di Johor. Program ini merupakan sokongan terhadap hala tuju Johor dalam menjadikan Johor Hub Industri hiliran minyak dan gas yang

mampan dan bertaraf dunia. Antara modul latihan yang ditawarkan ialah Program Advanced 6G Welding dan Program Advance Pipe Fitter.

10. Diharapkan pelbagai kolaborasi bersama industri dan komuniti dapat melahirkan graduan yang berkualiti serta mempunyai daya saing yang tinggi. Jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berupaya mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET mengikut keperluan industri. Kerjasama yang kukuh ini seterusnya dapat memastikan padanan antara penawaran dengan permintaan (*demand and supply*) dipenuhi dalam membantu institusi TVET menyediakan keperluan kursus-kursus yang berteraskan industri serta berteknologi tinggi selaras dengan perkembangan teknologi dan pendigitalan pada hari ini.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

11. Kesemua program ini adalah bukti bahawa institusi latihan TVET di Jabatan Tenaga Manusia sentiasa bergerak ke hadapan dalam memacu perubahan, memimpin transformasi, dan menyediakan platform latihan bertaraf dunia untuk anak bangsa. Kami percaya, TVET menjadi laluan kerjaya pilihan yang utama dalam mencapai kecemerlangan dalam kerjaya, dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

12. Saya yakin dan percaya dengan adanya **JTM-KUMAI Welding Academy** ini akan muncul sebagai pusat rujukan latihan kimpalan negara. Lebih daripada itu ia juga menyumbang kepada aspirasi negara untuk menjadi **Hub TVET Seranta** seiring dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0 dan agenda ekonomi hijau negara. Dalam masa yang sama modal insan yang berkualiti tinggi diharapkan dapat menyumbang kepada ekonomi Negara khususnya negeri Johor.

13. Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua Rakan Strategik, Rakan Komuniti serta semua pihak yang terlibat bagi menjayakan majlis ini. Bersama-sama kita membina masa depan kemahiran yang lebih cemerlang dalam memperkasakan TVET negara .

PENUTUP

14. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan di atas penganjuran Karnival Kerjaya TVET 2025 ini serta penubuhan **JTM-KUMAI Welding Academy**. Semoga pelbagai inisiatif yang dijalankan ini akan memperkasakan latihan kemahiran TVET serta melahirkan lebih ramai modal insan yang mempunyai pendapatan

berkapita tinggi. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan ***JTM-KUMAI Welding Academy*** sempena **Karnival Kerjaya TVET 2025** di ADTEC JTM Kampus Pasir Gudang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...